

2 faktor pengaruhi individu kuarantin di rumah

Kemampuan patuh SOP, keadaan rumah jadi pertimbangan

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keberkesanan kuarantin di rumah bagi individu positif COVID-19 bergantung kepada kemampuan mereka untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan faktor keadaan rumah.

Selain itu, kategori individu berkenaan juga perlu diambil kira, sama ada mereka tergolong dalam kumpulan yang memerlukan bantuan seperti warga emas dan orang kelainan upaya (OKU).

Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Aidalina Mahmud, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan membuat pertimbangan bagi pesakit yang boleh menjalani kuarantin di rumah berdasarkan kajian yang teliti.

“Jika Kementerian memerlukan pesakit menjalani kuarantin di rumah, ini bermakna ke-

adaan pesakit berkenaan adalah stabil dan sesuai untuk berada di rumah.

“Keberkesanan tindakan ini pula bergantung kepada dua perkara iaitu bolehkah pesakit secara jujur patuh kepada semua arahan Kementerian seperti memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal dan memantau gejala.

“Selain itu, adakah rumah pesakit itu sesuai? Rumah menjadi tidak sesuai sebagai tempat kuarantin jika ia sempit, isi rumah terlalu ramai atau ada kanak-kanak kecil atau orang tua.

“Jika pesakit ada masalah dengan dua perkara ini, maka mereka perlu maklumkan kepada doktor kerana mereka bukan calon yang sesuai untuk kuarantin di rumah,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian mempertimbangkan untuk membenarkan pesakit disahkan positif COVID-19 tahap satu dan dua melakukan kuarantin sendiri di rumah.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata pesakit yang dikuarantin di rumah terutama tanpa gejala kemungkinan gagal mematuhi SOP dan keluar rumah, sekali gus boleh menjangkiti orang lain.

“Selain itu, mungkin terdapat beberapa individu dijangkiti yang memerlukan bantuan seperti makanan, contohnya warga emas dan OKU. Justeru, hubungan dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu bagi memastikan golongan ini dibantu.

“Selain itu, ia juga bagi memastikan jika terdapat individu yang berubah dan mempunyai gejala baharu dan berbahaya, mereka boleh dimasukkan terus ke hospital,” katanya.

Katanya, bagi kes yang tidak dapat menjalani kuarantin dengan mengikut SOP disebabkan keadaan rumah, pesakit perlu menduduki pusat kuarantin berisiko rendah.

Beliau berkata, cadangan itu selari dengan syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menerusi garis panduan dan laporan *Home care for patients with suspected or confirmed COVID-19 and management of their contacts* sejak Mac lalu dan diperkemas dalam laporan kedua pada Ogos lalu.

Katanya, cadangan itu terpaksa dilaksanakan berikutan bilangan kes baharu meningkat mendadak, selain keperluan warga asing perlu dikuarantin.

“Bagaimanapun, terdapat kes yang dikuarantin di rumah berubah keadaan lebih parah terutama daripada aspek klinikal. Justeru, interaksi dengan

PKD terdekat sangat perlu bagi memantau sebarang perubahan kesihatan pesakit.

“Ini adalah perlu bagi mengelakkan pesakit meninggal dunia sendirian di rumah, selain kakitangan kesihatan perlu sentiasa memberi penerangan kepada penghidap yang sedang menjalani kuarantin sendiri, sekali gus mereka memahami tanggungjawab sebagai pengidap dan juga ahli keluarga mereka,” katanya.

Sharifa Ezat berkata, dalam aspek persediaan kuarantin itu, bilik didiami pesakit adalah bilik perseorangan, mempunyai pengudaraan dan faktor pencahayaan yang baik.

“Mereka patut mempunyai akses bilik air sendiri dan bekalan makanan dibekalkan kepada pesakit tiga kali sehari. Begitu juga pengangkutan pergi dan balik (keluar) menggunakan ambulans dan jika kenderaan sendiri, perlu di sanitasi selepas penggunaan.

“Berikutan pesakit dianggap sihat, pakaiannya perlu dicuci sendiri dan jika dilakukan pihak lain, individu terbabit perlu memakai alat perlindungan yang sesuai seperti sarung tangan dan penutup muka,” katanya.

Beliau berkata, bentuk pemantauan yang perlu ialah menggunakan sistem internet untuk memantau pergerakan pengidap berkenaan.

“Ini termasuk gelang GPS,



“Jika pesakit ada masalah dengan dua perkara ini, maka mereka perlu maklumkan kepada doktor kerana mereka bukan calon yang sesuai untuk kuarantin di rumah.”

Aidalina Mahmud,
Pakar Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Komuniti,
Fakulti Perubatan dan Sains
Kesihatan UPM

artificial intelligence (AI), tele-surveillance yang dikenali ‘Covidom’ serta aplikasi telefon yang memerlukan pesakit mengambil ‘swafoto’ dan menghantar ke pejabat kesihatan mereka yang memantau mereka.

“Langkah ini bertujuan memantau dan mengelakkan pesakit bergerak keluar rumah dan bercampur dengan orang lain. Bagaimanapun di negara ini, sistem ini belum tersedia. Gelang merah jambu agak mudah disembunyikan pemakai dan tidak mudah dilihat oleh orang ramai dan mereka masih bebas keluar,” katanya.